



Chamil Wariya

Tokoh Media 2015 Universiti Sains Malaysia
 Profesor Adjung, Pusat Komunikasi USM dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akhbar Malaysia



Keberkesanan RTM sebagai Lidah Rasmi Kerajaan

DISEBABKAN tindakan mengehendakkan berita pembangkang, terutamanya menjelang dan ketika kempen Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 berlangsung, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dilabel sebagai jentera propaganda kerajaan Barisan Nasional (BN) oleh para pemimpin parti politik pembangkang pada ketika itu.

Sebagai komitmen bahawa Pakatan Harapan (PH) tidak akan memperalatkan RTM untuk menjadi jentera propagandanya sekiranya diberikan kepercayaan untuk berkuasa, PH dalam manifestonya menjanjikan: "... menyemak semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan media agar kebebasan media akan dijamin, serta mengambil langkah segera untuk meningkatkan kebebasan dan profesionalisme entiti, seperti RTM dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)."

Memetik ikrar yang dizahirkan oleh PH: "Kerajaan PH akan memastikan

media mempunyai kebebasan untuk menjalankan proses semak dan imbang terhadap pentadbiran kami". Undang-undang ketat yang mengongkong kebebasan media secara langsung, seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan sepenuhnya manakala peruntukan yang zalim dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang turut mengawal selia RTM juga akan dimansuhkan.

Walaupun rancangan spesifik untuk meningkatkan kebebasan dan profesionalisme RTM tidak diperincikan dalam *Janji 27 Buku*

Harapan, tetapi terdapat cadangan dalam kalangan penggerak pembaharuan media yang mendukung gagasan kebebasan media PH supaya status RTM sebagai jabatan kerajaan ditamatkan dan ditransformasikan kepada sebuah perbadanan persis Perbadanan Penyiaran British (BBC) di United Kingdom, Perbadanan Penyiaran Australia (ABC) di Australia atau Perbadanan Penyiaran Jepun (NHK) di Jepun.

Dengan itu, menurut golongan itu, barulah stesen penyiaran milik kerajaan tersebut dapat memainkan fungsi semak dan imbang terhadap pentadbiran PH secara berkesan.

Hal ini dikatakan demikian kerana selagi RTM kekal sebagai sebuah jabatan kerajaan, stesen radio dan televisyen ini akan terikat dengan pelbagai peraturan dan pengaruh yang mengawal selianya.

Dari segi pentadbiran, RTM masih perlu akur dengan Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969; Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) 2006; Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan; Arahan Perbendaharaan dan Arahan Pentadbiran Dalaman yang dikeluarkan dari masa ke masa.

Dari segi penyiaran, RTM tertakluk kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; Akta Hak Cipta 1987; Etika Penyiaran; Akta Fi (Akta Futej 1951); serta Garis Panduan Pengiklanan Radio dan Televisyen Malaysia.

Seorang tokoh akademik yang terkehadapan dalam cubaan mempengaruhi kerajaan PH menjadikan RTM sebagai badan penyiaran awam yang sejati dan bukannya sekadar sebagai lidah rasmi kerajaan ialah Profesor Zahrom Nain dari University of Nottingham Malaysia. Beliau sangat terkenal dengan kelantangan mengkritik dasar serta pendekatan kewartawanan dan penyiaran kerajaan BN, malah dilaporkan telah mengemukakan cadangan yang khusus kepada kerajaan PH untuk menjadikan RTM sebagai badan penyiaran yang sama sekali berbeza daripada sewaktu BN berkuasa.

Melalui penulisan beliau dalam *Reuters Institute Digital News Report 2019*, beliau menyatakan: “*Soon after the general election, there appeared to be hope for reform. Groups and individuals from Malaysian civil society banded together to call for – and offer assistance towards – reforms, including media reform. For example proposals to develop Malaysia’s state broadcaster, RTM, into a genuine public broadcaster*

were submitted but there appears to be reluctance to adopt them...”

Malah apa-apa yang nampaknya membimbangkan Zahrom, sekalipun tidak dinyatakan secara tersurat dalam penilaiannya mengenai media Malaysia untuk *Reuters Institute Digital News Report 2019* itu ialah kemungkinan RTM kekal sebagai lidah rasmi kerajaan.

Penilaian tersirat yang dizahirkan oleh Zahrom ini terpancar dalam liputan yang diberikan terhadap berita parti politik pembangkang menerusi program berita dan ehwal semasanya terutamanya Pilihan Raya Kecil (PRK). Misalnya, sewaktu berlangsung PRK Tanjung Piai, di Johor pada 16 November 2019 lalu, kempen calon BN serta empat orang calon lain yang bertanding dalam PRK tersebut kurang dilaporkan.

Malah wajah calon dan logo parti pembangkang yang bertanding juga khabarnya kurang diberikan tempat dalam berita RTM. Berita RTM lebih tertumpu kepada calon PH serta para menteri kerajaan PH yang turun berkempen dalam PRK tersebut.

Janji untuk meningkatkan kebebasan RTM bagi membolehkan stesen penyiaran ini mengambil pendekatan kewartawanan dan pemberitaan yang lebih seimbang tanpa mengira parti politik yang digembar-gemburkan sebelum PRU ke-14 lalu, nampaknya belum dilaksanakan sepenuhnya.

Apa-apa yang dilakukan oleh media arus perdana lain yang secara terang menyokong PH dalam PRK tersebut mungkin tidak dikritik secara lantang oleh parti pembangkang yang bertanding dalam PRK tersebut. BN yang pernah membentuk kerajaan memang mengiktiraf RTM sebagai lidah rasmi kerajaan.

Akan tetapi, hal yang berlaku pada PRK Tanjung Piai itu mendapat perhatian kolumnis Awang Paku

Serpih yang menulis dalam akhbar *Sinar Harian* pada 20 November 2019.

Menurut beliau: “Media arus perdana sudah tidak ada pengaruh seperti dahulu. Buatlah apa-apa pun kempen, tulislah sebanyak mana pun berita atau rancangan prokerajaan siang dan malam dalam kaca televisyen, rakyat tetap menganggap perkara tersebut sebagai propaganda semata-mata. Buktinya di Tanjung Piai, semua media arus perdana menyokong PH, seperti mereka menyokong BN satu masa dahulu. Namun begitu, PH tetap kalah di Tanjung Piai. Ada cara lain jika mahukan kemenangan dalam pilihan raya, bukan dengan mengawal syarikat media seperti dahulu”.

Awang Paku Serpih seterusnya mengingatkan kerajaan PH supaya tidak mengawal media dan menunaikan janji dengan tidak menjadikan media arus perdana sebagai lidah rasmi kerajaan sewaktu mereka menjadi pembangkang.

Media arus perdana sudah tidak berpengaruh seperti dahulu. Buktinya, BN masih mampu menang di Tanjung Piai tanpa pengaruh media arus perdana. Barangkali pasca-PRK Tanjung Piai dan setelah lebih satu tahun enam bulan PH menerajui kerajaan merupakan waktu yang sesuai untuk para pemimpin PH kembali merenung janji mereka untuk melaksanakan kebebasan media. Hal ini termasuklah untuk menjadikan RTM sebagai sebuah badan penyiaran awam yang tidak dikawal secara langsung oleh kerajaan seperti yang dicadangkan oleh Profesor Zahrom, dan dengan itu bebas untuk memainkan peranan estetik keempatnya sebagai jagawan untuk menyemak dan mengimbangi pentadbiran PH.

Malah RTM yang tidak dikawal, tetapi masih dibiayai oleh wang pembayar cukai melalui pemberian geran seperti yang dilakukan oleh kerajaan Australia yang membiayai ABC akan memberikan imej segar

kepada PH sebagai penegak kebebasan media. Legasi yang bakal dicipta dan ditinggalkan berkaitan dengan RTM sekalipun PH tidak lagi memerintah akan kekal sampai bila-bila. RTM, atau apa-apa juga nama baharu yang akan diberikan kepada stesen penyiaran negara itu akan terpahat menjadi sebuah institusi yang dihormati dan disegani dalam dunia media di negara ini. Sekarang masa yang sesuai untuk menobatkan RTM baharu itu kerana dalam laporan tahunan *Reuters Institute Digital News Report* itu, RTM muncul sebagai jenama berita yang paling dipercayai di negara ini, mengalahkan Astro Awani yang berada di tangga kedua, NTV7 pada tangga ketiga dan TV3 yang menduduki tangga keempat.

Tahniah RTM! Perjuangan anda selepas ini tentulah untuk meletakkan diri anda sebagai sumber berita nombor satu pula. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut laporan *Reuters Institute* 2019, sebagai sumber berita, RTM masih ketinggalan, iaitu berada pada kedudukan nombor lima. Berita TV3 menduduki tempat pertama, diikuti dengan Astro Awani pada tempat kedua dan NTV7 News pada kedudukan keempat.

Percayalah sekiranya RTM tidak lagi dianggap sebagai lidah rasmi kerajaan, hasrat Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo untuk melihat badan penyiaran awam itu menjadi pilihan pertama rakyat Malaysia, seperti yang dizahirkan pada 1 April 2019 sempena ulang tahun RTM ke-73 tahun, pasti tidak sukar dicapai.

Sesungguhnya sudah tiba masanya untuk RTM kembali menjadi gergasi media dalam dunia penyiaran negara, iaitu kedudukan yang pernah stesen penyiaran ini nikmati sebelum kemunculan stesen televisyen swasta, baik yang menawarkan perkhidmatan secara berbayar menerusi satelit atau jalur lebar atau percuma.

RTM berupaya menjadi gergasi media, bukan sahaja dalam penyiaran langsung acara sukan bertaraf global atau program hiburan pada setiap minggu – seperti yang mula dilakukan sekarang ini, tetapi melalui program berita yang tidak hanya memuatkan berita kerajaan, tetapi turut memberi tempat kepada laporan yang seimbang, saksama dan adil kepada suara pembangkang serta badan bukan kerajaan yang kritikal terhadap pemerintah seperti yang dijanjikan oleh PH sendiri!.

RTM muncul sebagai jenama berita yang paling dipercayai di negara ini, mengalahkan Astro Awani yang berada di tangga kedua, NTV7 pada tangga ketiga dan TV3 yang menduduki tangga keempat.